

ASIAH SARJI

## Perfileman dan Kesannya Terhadap Masyarakat: Ke Arah Pengekalan dan Penyuburan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Malaysia

### **Pengenalan**

Tulisan ini meneroka kewajaran penapisan filem dalam konteks sosio-budaya masyarakat Malaysia di suku pertama kurun ke-21. Tumpuan isu yang dibincangkan adalah berkaitan usaha mengenal pasti kedudukan keyakinan dan kepercayaan warga Malaysia umumnya dan mereka yang berkait secara langsung dengan dasar kandungan budaya media, serta penghasilan kandungan media khususnya, terhadap pengekalan dan penyuburan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Tulisan ini ingin meninjau semula isu-isu yang berkaitan dengan latar belakang kawalan kandungan dan penyuburan unsur-unsur nilai-nilai tidak murni dalam filem di peringkat sejagat dan tempatan, mengesan faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan kandungan nilai-nilai murni dan tidak murni dalam filem-filem tempatan serta persepsi khalayak terhadapnya.

Kertas ini menggunakan landasan kepercayaan bahawa kandungan media, termasuk filem, berkemampuan meninggalkan kesan yang pelbagai kepada khalayak terutama dalam keadaan-keadaan pelbagai sama ada kesan positif maupun negatif. (Rosengren 247-263; Howitt 1982). Dengan menggunakan landasan ini analisis teori dibuat. Tujuannya adalah untuk membantu meneliti andaian-andaian yang sama yang pernah berlaku bagi membantu kita berhadapan dengan keadaan yang sama sekiranya ia berlaku di masa akan datang.

## Analisis Teori

Penghasilan produk budaya dalam jumlah yang banyak dan terdapatnya kemudahan penyebaran keluaran budaya secara lebih pantas dan luas akibat kewujudan teknologi penyebaran maklumat yang lebih canggih, telah menyebabkan terbentuknya persekitaran baru masyarakat yang lebih simbolik yang boleh mempengaruhi struktur dan fungsi institusi-institusi yang menghantarnya. (Gerbner 1970). Proses ini bukan saja membolehkan berlakunya impak atribut industri budaya pada pola pengamalan budaya sesuatu masyarakat secara umum tetapi boleh membentuk struktur baru budaya yang melampaui ruang lingkup struktur asas masyarakat dan garisan kelas dalam sesuatu masyarakat itu. Implikasinya, keadaan baru ini boleh menyebabkan kesan perubahan yang lebih menyeluruh terutama terhadap sistem yang sedia ada.

Walau bagaimanapun impak hubungan ini boleh dikawal sekiranya wujud dua keadaan yang menanganinya. Pertama sekiranya tidak mendapat restu daripada sistem yang sedia ada dan kedua wujudnya kesediaan setiap ahli industri budaya menghalangnya.

Globalisasi yang wujud dan bersamanya berlaku perluasan pasaran yang dipermudahkan oleh kemudahan teknologi, tidak datang dengan bebas nilai. Kesemua perubahan ini memihak kepada order penguasaan politik dan ekonomi baru dunia yang mengukuhkan kapitalisme baru dan demokrasi eka kuasa. (Asiah 2002) Dengan kata lain, globalisasi adalah fenomena dunia yang mempunyai asas budaya dan kepercayaan yang cukup kukuh. (Huntington 1996). Sekiranya ia tidak ada asas dan tidak ada nilai, ia tidak mungkin mempunyai kekuatan desakan dan manipulasi yang hebat seperti yang dilihat hari ini.

Media, menurut Chin-Chuan Lee (1980) memainkan peranan yang besar dalam urusan ini. Sebahagian besar kajian tentang aliran produk budaya di antara negara maju dengan dengan negara-negara yang sedang membangun yang dikaji oleh ramai ilmuan dunia menunjukkan terdapat perkaitan yang sangat rapat di antara aliran komunikasi dunia dengan stratifikasi struktur kuasa antarabangsa, terutama Amerika Syarikat.

Huntington (1996) dalam bukunya *The Clash of Civilization* ada menyatakan, melalui order baru dunia, nilai

budaya yang ada persamaanya dengan nilai budaya utama dunia saja yang boleh diterima sebagai budaya bertamadun. Yakni menganuti agama utama dunia, nilai-nilai sosio budaya mereka, termasuklah tingkah laku yang sama yang diikuti oleh bangsa-bangsa utama dunia tersebut. Pengarang tersebut menjelaskan syarat yang boleh menentukan sama ada sesuatu budaya itu dianggap kawan atau lawan oleh budaya utama dunia itu. Budaya utama itu adalah budaya Barat. Sekiranya ingin melihat sesebuah negara menjadi rakan dalam sesuatu tamadun bagi sesuatu budaya utama di Barat, maka negara-negara lain ini perlu bersama budaya utama itu atau *with the west*. Kalau tidak kelompok yang lain-lain ini akan kekal berada dalam kelompok yang lain-lain, atau *with the rest*, iaitu negara-negara yang tidak signifikan.

Sekiranya sesuatu masyarakat itu memilih untuk terus bersama dengan negara yang lain-lain atau *with the rest*, bermakna kelompok ini akan terus menerus menjadi sasaran budaya utama. Budaya utama dalam aliran ini lebih kukuh sifatnya, lebih mantap ideologinya. Dengan kata lain, ia bukan sekadar bersifat metropolitan, ia didasari dengan sistem kepercayaan dan nilai budaya yang mempunyai jaringan kewujudan yang lebih lama, cukup masak dan mantap.

Sekiranya budaya pinggiran gagal menganuti atau menyokong budaya utama, maka kelompok-kelompok ini akan dilihat sebagai musuh, yakni musuh yang menjadi sasaran proses disintegrasi yang perlu ditundukkan sebelum ditawan. Pelbagai alasan diwujudkan bagi memastikan pemburuan ini diteruskan. Senario ini telah diperdebatkan sejak malapnya beberapa tamadun utama dunia. Perdebatan menjadi lebih hangat selepas meletusnya Perang Dunia Pertama dan Kedua (Toynbee 1961:1355-1364).

Lewis (1981) cuba mengaitkan hubungan penguasaan sesuatu tamadun dengan media melalui pengesanan aliran pemikiran ilmuan-ilmuan seperti Y.Gasset (1932), McDonald (1957), Rosenberg (1957) dan ramai lagi. Melalui pemikiran mereka ini, Lewis menyimpulkan bahawa media, termasuk filem, bertanggungjawab melakukan proses pemalapan sesuatu tamadun dan budaya sesuatu bangsa melalui proses homogenusi. Menurut beliau;



*.... by presenting cultural artifacts to the mass audience, the media began to allow members to choose those they felt some how fit the value and interest wise. When this has accured, many members of a set society may acquire a clean awareness of the characteristics they have in common, and possibly even the collective behavior such commonalities imply (Lewis 1981: 201-217).*

Senario ini mungkin dirujuk sebagai kecil dalam tempoh kenyataan Lewis itu dibuat. Iaitu dalam tahun-tahun 1960-an Beliau merujukannya terhadap budaya hippie. Walau bagaimanapun implikasi pendirian Lewis itu sebenarnya jauh lebih besar. Misalnya, apabila keadaan tersebut berlaku, maka kita merasa malu untuk mengengahkan perlakuan budaya yang kita anuti yang tidak dianggap oleh kita sebetuk dengan budaya utama dalam aliran perdana budaya dunia.

Sekiranya ilmuan-ilmuan yang dirujuk oleh Lewis menggunakan istilah homogenasi, Toynbee menggunakan istilah disintegrasi. Menurut Toynbee (1961) pembentukan sesuatu tamadun utama adalah hasil drama di antara yang mencabar dengan yang bertindak balas;

*The reason why one performance followed another was because each of the responses was not only successful in answering the particular challenge by which it had been evoked but was also instrumental in provoking a fresh challenge, which arose each time out of the new situation that the successful response had brought about (Toynbee 1961: 1355-1364).*

Di bahagian lain, Toynbee (1961:1355-1364) mencatatkan, *this repetitiveness or recurrency of challenge is likewise implied in the concept of disintergration*. Kemudian beliau menyatakan bahawa kesan kualitatif disintegrasi ini adalah standardisasi.

Para ilmuan dan pemikir sains sosial kerap mengingatkan implikasi proses ini terhadap sesuatu budaya masyarakat. Menurut mereka, cabaran-cabaran budaya akan wujud terus. Berjaya atau tidaknya sesuatu cabaran itu mewujudkan keadaan yang disintegrasi tersebut, banyak bergantung kepada kemampuan sesuatu tamadun itu bertindak balas terhadapnya secara bijak.

## Filem dan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Malaysia

### *Takrifan konsep*

Syukur Kholil (2002: 44) mentakrifkan nilai sebagai sifat-sifat yang dianuti oleh seseorang. Syukur cuba mengesan apakah nilai-nilai keagamaan yang diminati oleh penonton sewaktu menonton rancangan televisyen. Beliau telah menetapkan 20 nilai-nilai keagamaan untuk dikaji. Nilai-nilai tersebut adalah tabah, amanah, berani, rajin, ikhlas, pemaaf, berserah diri, keteladanan, silaturrahim, waspada, mulia, rendah hati, pengasih dan bertanggung jawab. Nilai-nilai ini dikaitkan dengan keperluan efektif dan keperluan sosial khalayak yang dikaji. Hukum manusia dan asas kemanusiaan adalah berubah dan relatif kepada suasana dan keadaannya; dengan demikian kemanusiaan sebagai asas nilai adalah sentiasa berubah, tidak tetap dan tidak wajar. Nilai juga harus ditanggap sebagai ukuran kelakuan yang benar pada akal (yang dipandu oleh wahyu) dan hukum syara'. Pada umumnya nilai harus berpandu kepada ajaran agama yang sentiasa menuntut manusia berbuat baik.

Persidangan Agenda Sosial Alaf Baru yang telah dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada bulan April 1998 telah memutuskan takrifan nilai sebagai tanggapan baik atau buruk, salah atau benar kelakuan manusia yang hanya dapat diukur atas asas tetap dan mutlak seperti hukum Tuhan.

Pada tahun 1976, Jawatankuasa Pendidikan Akhlak di Kementerian Pendidikan Malaysia telah dibentuk. Jawatankuasa ini berjaya menggubal dasar-dasar murni dan tidak murni yang cuba diterapkan ke sekolah-sekolah. Antara nilai-nilai murni dan tidak murni yang telah dikenal pasti itu adalah nilai-nilai yang bersifat sejagat iaitu baik hati, rajin, tidak mementingkan diri sendiri, adil, menghormati kebebasan, berani, jujur, tidak suka menghina dan menyebarkan. Sementara nilai-nilai tidak murni adalah nilai-nilai di sebaliknya. (Tajul Ariffin Nordin. 1993)

Nilai-nilai murni budaya masyarakat Malaysia adalah berasaskan budaya Timur. Disebabkan terdapatnya banyak persamaan nilai dan percayaan budaya Timur, dan demi untuk memudahkan kerja-kerja rujukan dibuat, maka kertas ini akan menyebut nilai-nilai murni Melayu Islam sahaja, walaupun dari masa ke masa ia dirujuk sebagai budaya Malaysia yang mewakili budaya-budaya Timur lainnya.

## Nilai-Nilai Budaya Malaysia dalam Konteks Kawalan Kandungan Media Audio Visual

Nilai-nilai yang termaktub secara resmi di dalam undang-undang dan kod etika media di Malaysia termasuk filem adalah banyak, namun dari segi jenis nilai yang ditekankan adalah sama, ini termasuk nilai-nilai murni yang digariskan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Setelah meneliti kesemua kod etika media dan undang-undang yang berkaitan dengan pemaparan kandungan media tersebut saya menyimpulkan bahawa kandungan akta dan peraturan di dalam sistem kawalan kandungan media yang sedia ada telah cukup mantap. Ia dijangka dengan semangat nilai-nilai murni masyarakat Malaysia khususnya masyarakat Melayu Islam Malaysia. Secara dasarnya dan dalam banyak hal Lembaga Penapis Filem Malaysia (LPF) telah berjaya melaksanakan tanggungjawab yang dianggap tersangat sensitif, tersangat berat dan tersangat sukar.

Apa yang menjadi isu tentang penerapan nilai-nilai murni di dalam industri filem di Malaysia adalah ketekalan pihak-pihak yang terbabit mengenal pasti dan meyakinkan diri mereka tentang siapa mereka. Industri filem ini termasuklah persekitaran undang-undang, persekitaran pendidikan, pengurusan rasmi, pengurusan penerbitan dan pengurusan pengkaryaan. Kesemua pihak tersebut perlu memikirkan pendirian mereka dalam mengenalpasti dan meyakinkan diri mereka terhadap usaha pengekal, pengukuhkan dan penyegaran pengamalan nilai-nilai murni masyarakat itu. Persoalan-persoalan yang boleh ditimbulkan daripada isu-isu ini adalah:

- a. Apakah pendirian sebenar masyarakat Malaysia dan pembuat dasar negara terhadap budaya Melayu Islam khususnya dan budaya masyarakat Malaysia amnya.
- b. Sekiranya pendirian kelompok ini positif terhadap budaya Melayu Islam, persoalan seterusnya ialah adakah mereka ini benar-benar yakin dan percaya untuk mengekal dan mengukuhkannya?
- c. Sekadar yakin dan percaya tidak cukup mantap untuk mengikat seseorang kepada komitmennya tetapi Malaysia perlukan ahli masyarakat yang mempunyai kekuatan untuk terus menerus menyegarkannya, iaitu



kekuatan jati diri yang tidak mudah goyah dan alpa. Adakah Malaysia mempunyai kekuatan ini?

Persoalan ini perlu dijawab oleh semua rakyat Malaysia daripada ibu bapa, pemimpin masyarakat, para ilmuan, para peniaga industri hiburan, para karyawan dan kerajaan sendiri. Selagi Malaysia tidak membuat pendirian dalam hal ini, selagi itu persoalan penapisan ini tidak akan reda malah boleh menjadi lebih besar dan akhirnya, masyarakat akan berdisintegrasi dan hanyut dalam arus perdana bersama dengan budayanya yang sudah tidak bernama.

### **Kontroversi dalam Pelaksanaan Kawalan Kandungan Filem**

Setiap masyarakat mempunyai landasan budaya masing-masing. Pelbagai kaedah digunakan oleh masyarakat berbudaya untuk memastikan wujudnya keseimbangan pengamalan budaya di dalam masyarakat, termasuk adat dan sistem kawalan lain yang tidak tertulis seperti norma-norma sosial, tetapi dilengkapi dengan hukum hakamnya yang tersendiri. Apabila masyarakat menjadi lebih kompleks, lebih besar, lebih jelata dan lebih formal, undang-undang dibentuk sebagai mekanisma mewujudkan keseimbangan tersebut.

Namun apa yang lebih kompleks dalam dunia penciptaan keluaran budaya ini ialah ruang lingkup kreativiti itu yang sangat bersifat tidak terbatas. Keadaan menjadi lebih rumit apabila keinginan dan kehendak para karyawan atau penciptanya untuk mencabar daya fikir kreatif itu berterusan dan hampir tidak ada batasnya juga. Kecenderungan ini disokong pula oleh kecanggihan teknologi yang boleh membantu para pengkarya memenuhi apa yang dihajati mereka. Kemunculan mereka dalam persekitaran globalisasi yang disokong oleh sistem ekonomi yang lebih luas dan bebas, telah menyebabkan para karyawan beranggapan bahawa sistem kawalan kandungan budaya, khususnya filem yang sedia ada, sudah tidak sesuai lagi, tidak jelas dan terlalu mengongkong.

Pengusaha filem dan televisyen pula beranggapan sistem kawalan yang sedia ada menyukarkan mereka untuk mengumpul keuntungan maksimum, sementara kewujudan teknologi komunikasi baru pula membenarkan khalayak

untuk mendengar dan menonton apa yang mereka mahu pada bila-bila masa dan di mana-mana. Keadaan ini sangat bertentangan sifatnya. Batas kreativiti tidak terhad, keinginan untuk meneroka batas kreativiti di kalangan karyawan juga tidak ada tepi, pengusaha yang bersedia untuk melabur ramai kalau tidak ada di peringkat dalam negeri boleh diperolehi di luar negara, teknologi yang memudahkan usaha mencapai hasrat tersebut tersedia ada dan khalayak mempunyai kemampuan memanipulasi teknologi dan mempunyai kesanggupan membayar wang untuk menikmati hasil keluaran kreativiti budaya yang juga meningkat .... Soalnya mengapa keadaan yang mudah ini perlu disukarkan melalui halangan-halangan di dalam penapisan filem?

Keadaan yang paradoks inilah yang membolehkan wujudnya ketidakseimbangan di dalam masyarakat. Disebabkan hadirnya desakan yang berterusan daripada kumpulan-kumpulan tersebut untuk mempermudah aktiviti pengkayaan dan aktiviti pemungutan untung, maka kerap berlaku pihak pengawal sistem terdesak untuk memikirkan ikhtiar mengubahsuaikan sistem dengan perkembangan-perkembangan terbaru ini. Pengawal undang-undang pula terpaksa memikirkan usaha untuk menyemak semula akta-akta yang sedia ada. Sementara para pemegang polisi mula goyah dengan pendirian dan langkah tegas yang mereka ambil selama ini.

Senario ini adalah senario sejagat yang dilalui oleh hampir semua negara di dunia termasuklah negara-negara yang mengamalkan sistem politik liberal seperti Amerika Syarikat. Hanya paras keutuhan budaya yang sedia ada di dalam sesebuah negara itu saja yang berupaya menentukan paras toleransi terhadap kandungan budaya media yang dibenarkan untuk tayangan (Hamdan Adnan 2000; Dominick 1996; Howitt 1982). Di kebanyakan negara, selain pihak kerajaan, rakyat sendiri yang memainkan peranan penting untuk mengawal paras keutuhan budaya tersebut.

Apa yang membezakan jenis mekanisma penapisan yang dipilih dan paras toleransi terhadap kandungan karya yang boleh disiarkan ialah landasan budaya dan kepercayaan yang sedia wujud di dalam sesebuah negara itu dan sikap tegas ahli-ahli masyarakat itu sendiri. Ada sesetengah ahli di dalam masyarakat yang percaya bahawa sesuatu landasan budaya perlu berubah kerana kurun telah berubah (Rosengren 1981).



Dalam konteks Malaysia terdapat sekelompok individu yang amat menganuti kepercayaan tersebut, lantas mereka mendesak supaya kawalan dan penapisan kandungan budaya dalam filem ditiadakan dan paling kurang dilonggarkan. Terdapat sekelompok individu yang lain yang mahukan supaya sistem dan mekanisma penapisan yang sedia ada dikekalkan, malah ada yang mahu diperketatkan, kerana mereka ini mengesan kerap terdapat unsur-unsur budaya yang bertentangan dengan nilai-nilai murni masyarakat tempatan telah melalui tapisan yang bocor. Pada masa yang sama terdapat juga kelompok yang tidak kita ketahui pendirian mereka, dan mengikut saja apa yang dilakukan ke atas mereka.

Dalam keadaan yang penuh dengan kontroversi ini, kita perlu mengambil pendirian yang jelas tentang siapa kita, kenapa kita dan ke mana kita dalam konteks budaya dan kepercayaan kita.

Apa yang membezakan masyarakat kita dengan masyarakat di negara-negara sekular lainnya ialah kita masih percaya bahawa agama Islam dan unsur-unsur lain yang berkaitan dengan kepercayaan agama utama di Malaysia perlu mendasari sistem ekonomi, politik, dan budaya kita. Dengan kata lain, nilai-nilai yang terdapat di dalam agama Islam masih dianggap asas dalam budaya masyarakat Malaysia. Sekiranya diambil pendirian bahawa prinsip ini tetap dianuti dan terus mahu diterima sebagai pemandu dan alat menseimbangkan masyarakat, maka setiap ahli masyarakat Malaysia perlu tahu bahawa prinsip-prinsip asas agama tidak akan berubah dan tidak boleh berubah. (Azmi Aziz 2002) Sebarang perubahan yang hendak dilakukan terhadap sistem, kaedah dan mekanisma penapisan filem, ia perlu dilakukan dalam lingkungan ruang yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas agama tersebut.

Setelah dijawab persoalan siapa kita maka perlu dijawab soalan mengapa kita. Jawapan kepada persoalan ini boleh membantu kita melihat ruang dan masa kita dalam arus globalisasi ini. Sekiranya kita tahu dan percaya dengan apa yang kita lakukan, kita berupaya mengukuhkan jati diri dan mencuba mendapatkan ruang yang sesuai di dalam dunia homogenus yang cuba dibentuk oleh agenda dunia.

Dengan kata lain, kita ada agama dan kita ada budaya dan kita tahu mengapa kita perlu ada agama dan budaya.

Lantas setiap produk budaya yang dilahirkan berupaya memancarkan semangat siapa kita itu. Filem adalah produk budaya (Bordwell & Thompson 1986).

Seterusnya kita akan tahu ke mana kita hendak tuju. Dengan keyakinan tersebut kita akan terus mengukuhkan, mengekalkan dan menyegarkan nilai-nilai murni masyarakat beragama ini. Pendirian ini adalah yang ideal. Walaupun tidak mustahil untuk mencapainya, namun ia sukar untuk dilaksanakan. Ini kerana proses ini memerlukan rasa keterlibatan daripada semua pihak yang tinggi. Soalnya apakah pendirian kita sebenarnya dalam hal ini? Apakah persepsi masyarakat terhadap nilai-nilai murni ini?

### **Persepsi Terhadap Nilai-Nilai Murni dalam Filem**

Kajian telah dilakukan terhadap 22 buah tulisan yang disiarkan di akhbar-akhbar, majalah tempatan dan internet mengenai reaksi masyarakat terhadap LPF, terhadap nilai-nilai murni dalam filem dan terhadap filem-filem kontroversi yang ditapis. Tiga jenis kategori persepsi telah dikenal pasti untuk diteliti. Kategori persepsi tersebut adalah pertama persepsi terhadap penjagaan nilai-nilai-nilai murni, kedua persepsi terhadap LPF, dan ketiga persepsi terhadap filem-filem yang dianggap melanggar prinsip nilai-nilai murni masyarakat. Kaedah penelitian yang digunakan adalah kaedah kualitatif.

Hasil penelitian menemui bahawa terdapat kecenderungan tinggi di kalangan pembaca untuk menyokong pengekalan dan pemeliharaan nilai-nilai murni melalui filem, ini termasuk filem-filem luar negara yang ditayangkan di panggung dan saluran-saluran TV di Malaysia. Hampir semua persepsi demikian datangnya daripada orang ramai melalui surat pembaca dan daripada pegawai-pegawai kerajaan sendiri. Namun terdapat wartawan dan para penulis yang merasakan wujud kelonggaran dalam proses penapisan. Misalnya dalam satu tulisan dinyatakan bahawa;

*Ke manakah identiti kita sebagai bangsa yang bermaruah jika adegan-adegan yang tidak sepatutnya dipaparkan di negara kita, ditunjukkan di luar negara. Ke mana pula maruah dan martabat kita sebagai umat Islam yang memegang tanggung jawab memelihara maruah agama?*

Malah ada yang menulis:

*Filem nasional adalah filem untuk pembangunan nasional.*

Dengan kata lain, sekiranya terdapat kecenderungan menyokong pendirian pemeliharaan nilai-nilai murni ini bermakna terdapat kecenderungan tinggi orang awam untuk sentiasa membantu apa yang LPF lakukan. Melalui persepsi kedua, iaitu persepsi terhadap LPF, kajian ini mendapati sikap terhadap LPF secara umumnya positif. Sikap LPF yang lebih terbuka dan telus di akhir-akhir ini telah menerima reaksi yang positif juga daripada para wartawan.

Namun terdapat juga kenyataan yang mengatakan bahawa:

*... peraturan-peraturan LPF tidak jelas dan terperinci yang mana menyukarkan para wartawan untuk mengetahui apa yang boleh dan tidak boleh disiarkan.*

Malah terdapat juga karyawan yang mengatakan:

*.. undang-undang LPF adalah ketat dan boleh membantutkan kreativiti penulis itu sendiri.*

Seterusnya LPF dituduh sebagai:

*...punca kepada kegagalan para penulis menghasilkan skrip drama Melayu bermutu.*

Mengenai persepsi ketiga, persepsi terhadap filem-filem yang dianggap cuba mencemarkan nilai-nilai murni masyarakat Melayu Islam, didapati bahawa para penulis lebih cenderung mengambil pendirian tidak menyokong karyawan yang berbuat demikian. Analisis ini tidak telah mengambil filem *Embun* sebagai contoh. Enam daripada lapan tulisan yang diteliti menjelaskan sikap menolak penulis terhadap adegan-adegan ganas seks yang dipaparkan oleh filem tersebut. Peringkat rasa menolak tersebut adalah tinggi. Contoh kata-kata penolakan yang digunakan dalam artikel-artikel yang diteliti adalah seperti;



- Apa pula pandangan orang luar terhadap bangsa Melayu yang beragama Islam yang sanggup menghasilkan filem yang tidak jauh bezanya dari filem-filem mereka sendiri?
- Ke manakah maruah pengarah dan pelakon Melayu?
- Janganlah fikir kalau buat adegan seks dalam filem, maka ramai akan pergi ke panggung wayang;
- Ternyata strategi itu tidak berhasil kerana ia dilaknat oleh orang Melayu;
- Adakah perempuan Melayu cuci kaki sampai selak kain ke betis?
- Cerita patriotik sudah jadi cerita tidak senonoh.
- Dia lupa yang dia tu beragama Islam, kita tidak akan menutup mulut atau menganggap perkara ini sebagai remeh. Biarlah saya gunakan perkataan hentam. Hanya perkataan ini saja yang sesuai untuk mereka.
- Sejauhmanakah merdekanya kita jika adegan tersebut terpaksa dilakukan semata-mata untuk membolehkan filem dibawa ke luar negara?
- Filem Embun mempunyai moral agama yang rendah.

Dalam satu artikel lain, dikatakan bahawa tindakan LPF mengharamkan sesuatu filem adalah tidak sesuai di masa kini kerana masyarakat boleh mendapatkan filem-filem yang diharam daripada banyak sumber lain.

Rumusan yang dapat dibuat daripada ketiga-tiga kategori persepsi yang dikaji adalah:

- a. Khalayak khususnya para penulis, menolak unsur-unsur tidak murni yang dipaparkan di dalam filem-filem tempatan. Malah di dalam artikel lain ada penulis yang mengatakan tidak puas hati kerana LPF tidak dapat menyempurnakan tugas mereka dengan lebih baik dalam memastikan tidak ada unsur-unsur tidak murni yang terlepas daripada siaran. Malah sekiranya pun diketahui ada yang terlepas masalah pembatalan lesen sesebuah syarikat filem dan penyiaran adalah bergantung kepada agensi-agensi lain. Keadan pemotongan yang tidak bersih ini banyak berlaku kepada filem-filem luar negara yang ditayang di stesen-stesen TV terrestrial dan satelit. Dalam hal ini kita mengesan sistem pengurusan media yang tidak cekap.
- b. Lembaga Penapis Filem (LPF) mempunyai asas yang

- kukuh dalam melaksanakan tugasnya;
- c. Tindakan LPF mendapat sokongan padu daripada khalayak filem.

Walau bagaimanapun persepsi daripada para karyawan adalah bertentangan dengan persepsi orang awam. Para karyawan masih merasa tertekan dengan akta-akta penapisan. Malah ada yang merasakan mereka menghadapi kesukaran untuk mengetahui apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Kebanyakan karyawan menyuarakan bahawa mereka sebenarnya tahu tentang tanggungjawab masing-masing dalam perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh tersebut. Jadi mereka tidak perlu diperingatkan dengan hal-hal yang berkaitan dengan penapisan ini.

### **Rumusan dan Kesimpulan**

Analisis yang dibuat di dalam kertas kerja ini adalah antara cubaan awal untuk melihat keberkaitan di antara hubungan dan kesan arus perdana budaya dunia dengan pendirian budaya Melayu Islam yang terpancar melalui produk budaya tempatan dan yang tersiar melalui media tempatan, termasuk filem.

Kertas kerja ini mengambil pendirian menolak tiga dakwaan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak mengenai hal-hal yang berkaitan dengan kawalan filem:

Pertama, idea yang mengatakan peraturan kawalan filem perlu berubah demi disesuaikan dengan perubahan persekitaran budaya dunia terutama di abad ke-21 ini. Idea ini cuba mempengaruhi dan mengubah sistem. Mengubah sistem adalah salah satu kaedah yang boleh membantu mewujudkan keadaan yang disintegrasi tersebut.

Idea ini perlu disanggah. Semua pihak perlu membuat deklarasi pendirian masing-masing terhadap siapa mereka, Melayu Islam? atau rakyat Malaysia beragama atau tidak beragama? Setiap pihak perlu membuat keputusan di pihak mana mereka berada. Dalam keadaan ideologi yang kabur pada waktu ini, rakyat Malaysia perlu membuat keputusan dengan jelas tentang di pihak mana mereka berada. Keputusan ini sangat kritikal pada waktu ini untuk memudahkan semua pihak merancang strategi pengeluaran budaya filem dan budaya Malaysia amnya di masa depan yang lebih jelas dan

bertanggung jawab. Pihak-pihak ini termasuklah para karyawan filem sendiri. Kita perlu mempunyai pendirian kita sendiri dalam banyak hal. Tanpa pendirian ini sangat mudah kita tertiru dengan sikap dan tingkah laku unsur-unsur budaya utama dunia ini. Tidak semua yang paparkan daripada luar itu yang terbaik terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan globalisasi. Malah terdapat banyak formula ekonomi, politik dan budaya daripada luar itu boleh merosakkan sesebuah negara (Ishak Shari 2002; Chamhuri Siwar 2002). Kelompok-kelompok ini perlu faham hakikat ini.

Apa yang lebih perlu diberi perhatian adalah kesan disintegrasi dan homogenasi bangsa-bangsa dunia yang pernah diramalkan oleh ramai ilmuan sosial dan kemasyarakatan dalam dan luar negara itu dan telah dibuktikan oleh sejarah boleh berlaku pada mana-mana budaya dan masyarakat. Misalnya Schiller (1976) kerap memberi amaran bahawa teknologi yang didatangkan daripada luar itu bukanlah bebas nilai. Hasil keluaran, pengenalan teknologi dan penggunaan teknologi adalah juga tingkah laku politik dan ideologi sama ada ia menyokong maupun menggugat monopoli kapitalisma dunia.

Langkah berwaspada dalam mengaplikasi teknologi adalah langkah bijak yang perlu diambil, misalnya setiap aplikasi teknologi dibuat, ia perlu disertakan dengan peraturan tertentu yang memenuhi keperluan pendirian kita dalam hal-hal ideologi dan kepercayaan agama kita. Bagi mereka yang menyalahgunakan teknologi dan menyalahi peraturan yang tercatat dalam lesen bagi mengoperasi teknologi perlu diambil tindakan tegas. Bersikap alpa dalam perkara ini mungkin boleh ditafsirkan oleh oportunist budaya, ekonomi dan ideologi ini sebagai sikap permisif kita.

Mengenai kandungan yang didatangkan dengan teknologi media Rahmah (1995) dan Chin (1980) merumuskan bahawa arah aliran media di peringkat global hari ini ada menunjukkan kaitan dengan percaturan kuasa antarabangsa. Di Asia misalnya, semua negara berhadapan dengan limpahan budaya luar melalui siaran televisyen dan filemnya (Anura Goonasekera & Paul S.N.Lee. 1998).

Kedua, idea yang mengatakan kawalan filem perlu dimansuhkan kerana sesiapa pun boleh memperoleh sebarang produk budaya, pada bila-bila masa dan di mana-mana. Pemotongan dan pengharaman penyiaran produk budaya



daripada masyarakat tidak memberi apa-apa makna lagi di abad ke-21 ini. Kesimpulan ini juga perlu disanggah kerana sekiranya kita telah memilih di pihak mana kita berada, soal produk budaya boleh dapat di mana-mana dan pada bila-bila masa itu tidak timbul. Ini kerana:

- a. Pihak yang memegang dasar dan diberi mandat untuk memelihara masyarakatnya tidak boleh membiarkan masyarakat berhempas pulas melindungi diri mereka daripada pengaruh desakan budaya liar yang datang bertubi-tubi mengetuk pintu kepercayaan kita. Kemampuan menentang individu terhadap desakan ini tidak sama, ada yang kuat ada yang lemah dan tidak berdaya;
- b. Teori pemupukan (*cultivation theory*) Gerbner yang mengatakan pendedahan yang berterusan dalam frekuensi yang tinggi terhadap mesej tertentu daripada media boleh membantu mengubah pendapat, sikap dan tingkah laku seseorang, perlu diambil kira dalam membantu kita merancang strategi untuk menanamkan nilai murni melalui filem. Malah kajian-kajian yang dilakukan oleh ilmuan di Asia mengenai kesan televisyen dalam mempengaruhi gaya hidup masyarakat (Anura Goonasekera & Paul S.N.Lee. 1998) lebih cenderung membuktikan bahawa televisyen boleh mengubah persepsi khalayak terhadap kehidupan dan gaya hidup mereka juga boleh dijadikan panduan dalam menentukan hala tuju budaya kita. Lebih khusus lagi hasil kajian yang ditunjukkan oleh Karthigesu (1998) mengenai kesan televisyen terhadap gaya hidup masyarakat Malaysia.

Sekiranya diterima rumusan-rumusan tersebut bermakna kesan jangka panjang terhadap kepercayaan dan sikap masyarakat boleh berlaku secara tidak terbatas terutama apabila proses penciptaan dan penyiaran kandungan budaya pasca moden yang boleh berlaku secara hampir tidak ada batas, malah boleh mempengaruhi paras kepercayaan seseorang.

Misalnya menurut Azmi Aziz(2002) idea pasca moden yang menggabungkan kebenaran dengan dunia yang relatif dengan menolak metafizik akan membawa kepada satu akibat

yang lebih dahsyat, iaitu penolakan teologi. Penolakan teologi ini seterusnya menyebabkan pemikir pasca moden terpaksa menerima idea ketakwujudan tuhan dan agama.

Dengan menerima hakikat kekuasaan media, kita boleh bertindak dengan menggunakan media audio visual ini sebagai alat mengukuhkan nilai-nilai murni masyarakat dan pada masa yang sama tidak melangkah kebelakang dalam tindakan tegas untuk terus mengenakan kawalan dan penapisan. Sekiranya unsur-unsur penentangan daripada pelbagai pihak berterusan, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mendidik mereka yang masih belum faham dengan hakikat pengaruh media dan hakikat pemeliharaan budaya dan kepercayaan masyarakat Malaysia.

Ketiga, idea yang mengatakan kawalan dan penapisan filem menghalang proses kreativiti dalam mencipta dan berkarya. Idea ini perlu disanggah dengan kepercayaan bahawa unsur-unsur halangan dalam berkarya boleh membantu penghasilan karya yang lebih unik dan mantap. Sekiranya diterima hakikat penapisan itu sebagai halangan, para karyawan perlu memerah otak dengan lebih kuat lagi untuk mencari pendekatan berkarya dan idea yang lebih hebat tetapi tidak bertentangan dengan akta. Inilah yang dibuktikan oleh karyawan dari negara Iran dan Cina sehingga hasil karya yang mereka pameran kepada dunia unik dan sangat tinggi nilai budayanya.

Kesukaran hidup yang dilalui oleh rakyat Indonesia, termasuk para penulisnya di zaman Soekarno telah membantu mencipta ramai karyawan filem dan sastera yang disegani dunia. Karyawan di Malaysia tidak pernah melalui keadaan ini. Apa yang dimahukan adalah kesungguhan dalam berkarya dengan mendapatkan idea yang lebih mencabar untuk diwujudkan dan diolah bukan menggunakan jalan mudah bagi menyelesaikan sesuatu keadaan dalam berkarya.

Dengan kata lain, para karyawan perlu rajin berfikir, perlu rajin membaca, perlu serius dalam hal-hal kreativiti. Memang sukar untuk memamerkan mesej rogol yang mendalam tanpa menunjukkan aktiviti rogol. Tetapi kita perlu mencari idea tersebut, malah mungkin hasilnya jauh lebih berkesan daripada memamerkan adegan rogol yang sebenarnya. Tidak sukar berfikir untuk mewujudkan adegan rogol yang sebenar, semua orang boleh memberikan idea yang sama. Tetapi mencari idea lain yang unik untuk menghasilkan adegan atau kesan adegan yang sama adalah tersangat sukar.

Setelah mengajar penulisan skrip untuk lebih 15 tahun yang lalu dan mengajar serta membimbing profesional dalam aspek-aspek kreativiti ini lebih 10 tahun yang lalu, termasuk menilai skrip-skrip dan penghasilan produk budaya karyawan-karyawan filem dan televisyen, saya mendapati tidak sampai 1 peratus mereka yang saya temui mempunyai kecenderungan semula jadi untuk bekerja keras dalam mencari idea dan berusaha mewujudkan kelainan dalam penciptaan.

Mutu sesuatu hasil karya bukan terletak kepada idea seks, tahyul dan ganas semata-mata. Karya bermutu menuntut pendekatan pengurusan dan penggunaan unsur-unsur penerbitan dan penulisan yang bijak dan strategik yang berlandaskan kepada proses berfikir yang serius. Tidak ada jalan mudah dalam berkarya.

Seorang pengkarya yang serius akan mencari jalan bagaimana ideanya boleh diketengahkan tanpa menyalahi mana-mana pihak. Langkah yang diambil oleh Suhaimi Baba dengan meminta pihak LPF meneliti terlebih dahulu skrip filem *Pontianak* adalah langkah yang baik walaupun beliau tidak perlu berbuat demikian. Beliau juga pernah merujuk kepada saya beberapa skrip filem beliau yang terdahulu dan pernah menjemput saya secara khusus untuk membincangkan idea filem *pontianak*. Seseorang pengkarya boleh bersikap degil dan kurang ajar dalam proses penghasilan dan pelaksanaan idea, tetapi batas kedegilan dan kurang ajar boleh menguntungkan selagi ia tidak menyentuh mana-mana pihak terutama pihak-pihak yang berkaitan dengan asas kepercayaan dan nilai-nilai murni masyarakat.

Untuk mewujudkan kelangsungan keseimbangan dalam pengkaryaan yang lebih serius dan bertanggungjawab mengambil masa yang lama. Langkah-langkah meningkatkan aktiviti penyelidikan mengenai perkara ini dan pendidikan kepada pengkarya-pengkarya baru terutama yang datangnya daripada institusi-institusi media dalam negara perlu dilakukan. Matlamatnya adalah untuk membentuk generasi karyawan media filem yang lebih mantap dari segi idea, kreativiti, berkalibar, bertanggungjawab dan melaksanakan tanggungjawab mereka itu kepada budaya dan agama mereka dengan penuh komited.

Dasar filem yang telah digubal terlalu lama itu perlu disegerakan kelulusan dan aplikasinya. Ini kerana dasar filem adalah landasan pergerakan aktiviti pengedaran dan berkarya



dalam filem yang telah disediakan dengan asas-asas kepercayaan dan nilai-nilai murni masyarakat Melayu Islam dan masyarakat Malaysia amnya.

---

Penulis

Asiah Sarji (Ph.D) adalah Profesor Madya dan pensyarah di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini menjawat jawatan Penyelaras Sains Sosial di Pusat Pengajian Siswazah. Bidang Pengkhususan beliau adalah penyiaran.

Kertas kerja ini dibentangkan di Konvensyen Jubli Emas LPF-KDN pada 19hb. Disember 2002.

---

Rujukan

- Asiah Sarji. 2002. Penyiaran dan pembangunan: Pemaparan nilai-nilai murni dan tidak murni melalui penyiaran. Analisis teori. Belum diterbitkan. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyiaran dan Masyarakat. Anjuran Jabatan Komunikasi. Fakulti Bahasa-bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.
- Azmi Aziz. 2002. Pertentangan antara pascamoden dan fitrah manusia. Dalam Misran Rokimin dan rakan-rakan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (hal. 55-66)
- Berelson B & Steiner G.A. 1967. *Human behavior*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Bordwell D & Thompson K. 1986. *Film art. An introduction*. Ed.2. New York: Alfred A.Knopf.
- Chamhuri Siwar. 2002. Paradigma pembangunan: meneliti hubungan pertumbuhan ekonomi, pengglobalan, kegawatan ekonomi dan pembasmian kemiskinan. Dalam Misran Rokimin dan rakan-rakan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (hal. 119-146)
- Chin - Chuan Lee. 1980. *Media imperialism reconsidered. The homogenizing of television culture*. Beverly Hills, California: Sage.
- Dominick, J.R. 1996. *The dynamics of mass communication*. New York: Macgraw-Hill.
- Etzioni H.E. 1981. Social change. *The advent and maturation of modern society*. London: Routledge dan Kegan Paul.
- Anura Goonasekera & Paul S.N.Lee (Penyt.). 1998. *TV without borders. Asia speaks out*. Singapore: Asian Media Information and Communication Centre
- Hamdan Adnan. 2000. U, 18SX, 18SG, 18 PG. *Dewan Budaya*. Oktober 2002.
- Howitt D. 1982. *The mass media and social problems*. Oxford: Pergamon Press
- Huntington S.M. 1996. *The clash of civilizations and the remarking of world order*. London: Simon & Schuster.

- Ishak Shari. 2002. *Pembangunan: Mengejar impian atau khayalan*. . Dalam Misran Rokimin, Azmi Aziz dan (Penyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (hal. 21-33)
- Karthigesu, R. 1998. *Transborder television in Malaysia*. In Anura Goonasekera & Paul S.N.Lee (Ed.) *TV without borders. Asia speaks out*. Singapore: Asian Media Information and Communication Centre (pp.38-77).
- Kennedy, L. 1995. *Telecommunications*. Dlm. Jomo K.S. (Penyt.). *Privatizing Malaysia. Rents, rhetoric, realities*. Boulder: Westview Press (hal.236-261)
- Lewis G.H. 1981. *Taste cultures and their composition. Towards a new theoretical perspective*. Dlm. Elihu Katz dan Tamas Szecsko. (Penyt.). *Mass media and social change*. London: Sage (hal.201-217)
- Malaysia. 1998. *Laws of Malaysia. Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588) and Subsidiary Legislation*. Kuala Lumpur:Ministry of Energy Communications and Multimedia Malaysia.
- Malaysia. 1998. *Laws of Malaysia. Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998 (Act 589)*. Kuala Lumpur: Ministry of Energy Communications and Multimedia Malaysia.
- Malaysia. 1998. *Nilai, etika dan moral dalam masyarakat masa kini (keadaan masa kini)*..
- Rumusan topik 1. *Persidangan Agenda Sosial Alaf Baru*. Bangi: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia. 23hb.April 1998
- Malaysia.1999. *Ministerial function act 1969*. Warta Kerajaan. Seri Paduka Baginda (His Majesty's Government Gazette. Kuala Lumpur: The Government of Malaysia.
- Malaysia.1997. *Garis panduan siaran. ( Broadcast Guidelines)*. Kementerian Penerangan Malaysia (Ministry of Information Malaysia. Kuala Lumpur.
- Malaysia. 1996. *Advertising code of ethics*. Kuala Lumpur: The Commerce Section, Ministry of Information Malaysia.
- Rahmah Hashim. 1995. *Television programming*. Dlm. Jomo K.S. (Penyt.). *Privatizing Malaysia. Rents, rhetoric, realities*. Boulder: Westview Press (hal.236-261)
- Rosengren K.E. 1981. *Mass media and social change. Some current approaches*. Dlm. Elihu Katz dan Tamas Szecsko. (Penyt.). *Mass media and social change*. London: Sage (hal.247-263)
- Syukur Kholil, 2002. *Penyiaran agama, penggunaan media dan kepuasan khalayak rancangan-rancangan agama di televisyen: Kajian di Medan Indonesia*. Tesis Doktor Falsafah Pusat Pengajian Media dan Komunikasi. (Belum diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tajul Ariffin Nordin. 1993. *Perspektif falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Toynbee A. 1961. The disintergrations of civilizations. Dlm. Talcott Parsons, Edward Shils, Kaspat D. Naegele dan Jesse R. Pitts. (Penyt.). *Theories of society. Foundations of modern sociological theory*. London: The Free Press (hal.1355-1364)



## LAMPIRAN

Prinsip-prinsip nilai murni masyarakat Malaysia tercatat dalam peraturan, akta dan undang-undang yang berkait dengan media di Malaysia.

Dalam Malaysia. Laws of Malaysia. Communications and Multimedia Act 1998/1999 (Act 588) and Subsidiary Legislation. Kuala Lumpur: Ministry of Energy Communications and Multimedia Malaysia dinyatakan tentang apa yang murni dan tidak murni disiarkan seperti yang tercatat di bahagian 211 (Malaysia 1998):

- 01 - *No content applications service provider or other person using a content applications service, shall provide content which is*
- a. *Indecent, b. Obscene, c. False, d. Menacing, or e, Offensive in character with intent to annoy, abuse, threaten, or harass any person.*
- 02- *A person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and shall also be liable to a further fine of one thousand ringgit for every day or part of the day during which the offence is continued after conviction.*

Di bahagian 213 dinyatakan pula:

*The content code shall amongst others, include model procedures, for dealing with offensive or indecent content, the restriction on the provision of unsuitable content, the methods of classifying content, the representation of Malaysian culture and national identity.*

Section 233. (1) *A person who-*

- (a) *by means of any network facilities of network service or applications service knowingly-*
- (i) *makes, creates or solicits; and*
- (ii) *initiates the transmission of any comment, request, suggestion or other communication which is obscene, indecent, false, menacing or offensive in character with intent to annoy, abuse, threaten or harass another person.*
- (Malaysia 1998)